



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK GUNA TENAGA, MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA 2025

Permintaan buruh Malaysia terus berkembang sebanyak 1.4 peratus pada ST1 2025, mencatatkan 9.06 juta jawatan

PUTRAJAYA, 15 MEI 2025 – Permintaan buruh Malaysia terus berkembang sebanyak 1.4 peratus pada ST1 2025, mencatatkan 9.06 juta jawatan, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam penerbitan **Statistik Guna Tenaga, Suku Tahun Pertama 2025** pada hari ini. Statistik yang diterbitkan dalam laporan ini adalah berdasarkan Survei Guna Tenaga yang dilaksanakan ke atas syarikat perniagaan berdaftar dalam sektor swasta. Laporan ini membentangkan statistik permintaan buruh merangkumi indikator bilangan jawatan, jawatan diisi, kekosongan jawatan dan pewujudan jawatan mengikut kategori kemahiran dan aktiviti ekonomi.

Mengulas mengenai sebaran pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Bilangan jawatan meningkat sebanyak 1.4 peratus atau bersamaan dengan 127.0 ribu pada suku pertama 2025 mencatatkan 9.06 juta jawatan berbanding suku yang sama tahun lalu (ST1 2024: 8.94 juta). Ini sejajar dengan prestasi ekonomi semasa di Malaysia yang diunjur terus bertambah baik, disokong oleh permintaan dalam negara yang berdaya tahan. Daripada jumlah jawatan, sebanyak 97.9 peratus jawatan telah diisi manakala 2.1 peratus masih kosong."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menyatakan bahawa bilangan jawatan diisi meningkat sebanyak 1.4 peratus tahun ke tahun, mencecah 8.87 juta jawatan pada suku tahun ini berbanding 8.75 juta pada ST1 2024. Semua sektor menyumbang secara positif kepada pertumbuhan keseluruhan jawatan diisi di mana sektor Perkhidmatan mendahului dengan pertumbuhan tertinggi sebanyak 1.8 peratus. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pembinaan masing-masing pada kadar 1.5 peratus dan 0.5 peratus. Pecahan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi menunjukkan sektor Perkhidmatan mendominasi dengan 52.8 peratus atau bersamaan dengan 4.69 juta jawatan, diikuti oleh sektor Pembuatan dengan 26.9 peratus (2.38 juta jawatan)

mengatasi sektor Pembinaan (14.1%; 1.25 juta). Dari segi pecahan mengikut kategori kemahiran, majoriti jawatan diisi adalah dalam kategori separuh mahir dengan 5.55 juta jawatan diisi, mewakili 62.5 peratus daripada jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh kategori mahir merangkumi 2.23 juta jawatan diisi (25.2%) dan berkemahiran rendah yang mencatatkan 1.09 juta jawatan diisi (12.3%).

Menjelaskan secara terperinci mengenai situasi permintaan buruh semasa, Ketua Perangkawan menyatakan, “Kekosongan jawatan pada suku tahun ini meningkat sebanyak 1.2 peratus tahun ke tahun kepada 194.1 ribu, meningkat daripada 191.9 ribu pada ST1 2024. Melihat kepada pecahan aktiviti ekonomi, sektor Pembuatan mengekalkan kedudukannya sebagai pemacu utama dalam kekosongan jawatan dengan 57.3 peratus terutamanya dalam subsektor Produk Elektrik, elektronik dan optikal (33.9 ribu), diikuti oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (20.2 ribu). Seterusnya, sektor Pertanian dan Pembinaan masing-masing mencatatkan 31.8 ribu (16.4%) dan 25.4 ribu (13.1%) kekosongan. Dari segi pecahan kekosongan jawatan mengikut kategori kemahiran pula, kategori separuh mahir menyumbang peratus sumbangan terbesar iaitu sebanyak 56.3 peratus (109.2 ribu). Sementara itu, kategori mahir dan berkemahiran rendah masing-masing mencatatkan 24.4 peratus (47.4 ribu) dan 19.3 peratus (37.5 ribu).

Beralih kepada prestasi pewujudan jawatan, sejumlah 33.2 ribu jawatan baharu diwujudkan, meningkat daripada 32.1 ribu pada suku sama tahun sebelumnya, menunjukkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 3.4 peratus. Peningkatan pewujudan jawatan khususnya dalam kategori mahir dan separuh mahir mampu menggalakkan individu untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan mengikuti latihan khusus, seterusnya membina tenaga kerja yang berkemahiran dan berinovasi. Analisis mengikut kategori kemahiran, kategori separuh mahir menjadi penyumbang terbesar kepada pewujudan jawatan dengan 62.5 peratus (20.8 ribu), diikuti oleh kategori mahir (26.9%; 8.9 ribu) dan berkemahiran rendah (10.6%; 3.5 ribu). Melihat kepada prestasi mengikut aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang utama dengan 16.0 ribu jawatan baharu diwujudkan (48.1%), dipacu oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit dengan 8.8 ribu pewujudan jawatan. Sementara itu, sektor Pembuatan mencatatkan 12.1 ribu jawatan baharu (36.5%) tertumpu dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal, yang mewujudkan 4.2 ribu jawatan baharu. Sementara itu, sektor Pembinaan mencatatkan sejumlah 3.6 ribu jawatan (10.8%).”

Merumuskan kenyataannya, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa permintaan buruh di Malaysia berada pada landasan pertumbuhan yang stabil, sekali gus mengukuhkan aspirasi negara untuk memperkukuh asas ekonomi dan mencapai pertumbuhan yang mampan. Beliau turut menyatakan bahawa sektor Pembuatan memainkan peranan penting dalam mendorong pertumbuhan permintaan buruh seperti yang dinyatakan dalam Statistik Pembuatan Bulanan, yang melaporkan peningkatan 1.1 peratus tahun ke tahun bagi bilangan pekerja dalam sektor tersebut.

Trend ini selari dengan matlamat Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang bertujuan merancakkan pertumbuhan jawatan dan memperkasa keupayaan tenaga kerja dalam sektor Pembuatan. Permintaan buruh yang semakin meningkat di Malaysia mencerminkan kemajuan ketara dalam pelbagai industri utama, bukan sahaja memenuhi keperluan jawatan semasa tetapi juga mempersiapkan tenaga kerja untuk cemerlang dalam ekonomi global yang kompetitif.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Carta 1: Jawatan, Kadar Jawatan Diisi dan Kadar Kekosongan,
ST1 2022 – ST1 2025**




Carta 2: Pewujudan Jawatan, ST1 2022 – ST1 2025



Carta 3: Permintaan Buruh mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2025
(% Sumbangan)



Paparan 1: Permintaan Buruh mengikut Kategori Kemahiran, ST1 2025
(% Sumbangan)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
15 MEI 2025



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

EMPLOYMENT STATISTICS, MALAYSIA FIRST QUARTER OF 2025

***Malaysia's labour demand continues to expand by 1.4 per cent in Q1 2025,
recording 9.06 million jobs***

PUTRAJAYA, MAY 15, 2025 – Malaysia's labour demand continues to expand by 1.4 per cent in Q1 2025, recording 9.06 million jobs, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release of **Employment Statistics, First Quarter of 2025**. These statistics were published in the report based on the Employment Survey conducted on registered businesses in the private sector. The report presents the labour demand statistics, encompassing the number of jobs, filled jobs, jobs vacancy and jobs created indicators by skills category and economic activity.

Commenting on the findings of the release today, the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The number of jobs uptick by 1.4 per cent or equivalent to 127.0 thousand jobs during the first quarter of 2025 registering 9.06 million jobs as compared to the corresponding quarter last year (Q1 2024: 8.94 million). This aligns with the prevailing economic performance in Malaysia which is projected to continue to improve supported by resilient domestic demand. Out of the total jobs, 97.9 per cent jobs were filled while the other 2.1 per cent was vacant."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also remarked that the number of filled jobs rose by 1.4 per cent year-on-year, reaching 8.87 million jobs in this quarter as compared to 8.75 million in Q1 2024. All sectors contributing positively to the overall growth in filled jobs with the Services sector led with the highest growth of 1.8 per cent. This was followed by the Manufacturing and Construction sectors at 1.5 per cent and 0.5 per cent respectively. Disaggregating the filled jobs by economic activity, the Services sector dominated by 52.8 per cent or 4.69 million jobs, followed by Manufacturing sector with 26.9 per cent (2.38 million jobs), outpacing Construction (14.1%; 1.25 million jobs). In

terms of distribution by skills category, majority of the filled jobs were in the semi-skilled category with 5.55 million filled jobs representing 62.5 per cent of the total. This was followed by the skilled category, accounted for 2.23 million filled jobs (25.2%) and the low-skilled which comprises 1.09 million filled jobs (12.3%).

Providing a detailed explanation of the current labour demand situation, the Chief Statistician stated, “Jobs vacancy during this quarter edged up by 1.2 per cent year-on-year to record 194.1 thousand up from 191.9 thousand in Q1 2024. Looking at the breakdown by economic activities, the Manufacturing sector retained its position as the primary driver in jobs vacancy with 57.3 per cent particularly in the Electrical, electronic, and optical products sub-sector (33.9 thousand), followed by Petroleum, chemical, rubber and plastic products (20.2 thousand). Adding to this, the Agriculture and Construction sectors reported 31.8 thousand (16.4%) and 25.4 thousand (13.1%) vacancies respectively. In terms of jobs vacancy by skills category, the semi-skilled category accounted with largest share of 56.3 per cent (109.2 thousand). Meanwhile, skilled and low-skilled categories at 24.4 per cent (47.4 thousand) and 19.3 per cent (37.5 thousand) respectively.

Moving on to the performance of jobs created, there were a total of 33.2 thousand jobs created, up from 32.1 thousand in the same quarter of the preceding year, indicating 3.4 per cent year-on-year rise. The rise in jobs created especially in skilled and semi-skilled categories may encourage individuals to pursue higher education and specialised training, building a workforce with expertise and innovation. Analysing by skills category, the semi-skilled category emerged as the largest contributor for jobs created with 62.5 per cent (20.8 thousand), followed by the skilled (26.9%; 8.9 thousand) and low-skilled category (10.6%; 3.5 thousand). Evaluating the performance by economic activity, the Services sector was a major contributor with 16.0 thousand new jobs created (48.1%), particularly in the Wholesale and retail trade sub-sector with 8.8 thousand jobs created. On the other hand, Manufacturing sector saw a creation of 12.1 thousand new jobs (36.5%) mainly in the Electrical, electronic and optical products sub-sector, which generated 4.2 thousand new jobs. Meanwhile, the Construction sector recorded a total of 3.6 thousand new jobs (10.8%).”

Summarising his statement, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that Malaysia’s labour demand poised for steady growth, reinforcing the nation’s ambition to strengthen its economic foundation and achieve sustainable growth. He also noted that Manufacturing sector played a pivotal role in driving labour demand growth as highlighted in the Monthly Manufacturing Statistics, which reported a 1.1 per cent year-on-year increase in the number of persons engaged in the sector during the quarter. This trend aligns with the objectives of the New Industrial Master Plan 2030 (NIMP 2030), which aims to drive employment growth and enhance workforce capabilities within the Manufacturing sector.

Malaysia's growing labour demand reflects significant progress across key industries, addressing current employment needs while preparing the workforce to excel in a competitive global economy.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia has, for the first time, successfully recorded the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Jobs, Rate of Filled Jobs and Rate of Vacancies, Q1 2022 – Q1 2025




Chart 2: Jobs Created, Q1 2022 – Q1 2025




Chart 3: Labour Demand by Economic Activity, Q1 2025 (% Share)





Exhibit 1: Labour Demand by Skills Category, Q1 2025 (% Share)



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
15th MAY 2025